

Puteri Bintang Terang



Kasima Salinri



KUMPULAN CERITA RAKYAT SABAH

**Puteri
Bintang
Terang**

PERPUSTAKAAN
DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA
CAWANGAN SABAH

KK 398-5211-0850-2102

Cetakan Pertama 2014

Cetakan Kedua 2015

© Kasima Salinri *et al.* 2014

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan cara apa juga sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah, Dewan Bahasa dan Pustaka, Peti Surat 10803, 50926, Kuala Lumpur, Malaysia. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan dalam-Penerbitan


Puteri Bintang Terang : kumpulan cerita rakyat Sabah / Kasima Salinri... [et al.]

ISBN 978-983-46-0850-7

1. Folk literature, Malay--Sabah. 2. Folklore--Sabah.

I. Kasima Salinri. II. Judul.

398.20959521





NUNUK RAGANG

Diceritakan semula oleh Kathirina Tati

Pada zaman dahulu sebatang pokok telah tumbuh di tebing muara tempat bercantumnya Sungai Kogibangan dengan Sungai Kawananan. Pokok itu diberi nama Nunuk Ragang (Pokok Ara Merah). Pokok itu sangat besar dan diberi nama Nunuk Ragang kerana seluruh pokok dan daunnya berwarna merah. Dahan-dahan dan akar-akarnya sebahagiannya condong menghala ke sungai. Sungai itu pula, dinamakan Sungai Liwagu (mengikut bahasa Kadazandusun Liwagu bererti air yang tenang dan dalam).

Kawasan ini penuh dengan hutan belantara dan tidak ada penghuni kecuali binatang liar

PUTERI BINTANG TERANG

yang buas. Di kawasan ini juga ada seekor ayam jantan yang besar, sebesar seekor kerbau. Ayam Jantan ini mempunyai kuasa sakti yang luar biasa. Suatu hari, Ayam Jantan Sakti itu mengais-ngais tanah untuk mencari makanan berdekatan dengan pokok Nunuk Ragang. Tiba-tiba muncul seorang pemuda yang tampan dari permukaan tanah. Ayam sakti mengais lagi, lalu muncul pula seorang anak perempuan yang manis sekali wajahnya. Dia pun memelihara kedua-dua anak lelaki dan perempuan itu sehingga dewasa.

Setelah kedua-duanya meningkat dewasa, maka Ayam Jantan Sakti pun mengahwinkan mereka dan melantik pemuda itu sebagai penghulu kampung Nunuk Ragang. Mereka pun beranak pinak dan kawasan Nunuk Ragang pun terus dihuni oleh anak-anak, cucu-cucu dan cicit-cicit dua manusia yang keluar dari tanah dahulu. Mereka ini dipanggil keturunan Nunuk Ragang. Si Jejaka yang keluar dari tanah itu mentadbir kampung dan penduduknya dengan penuh aman dan damai.

Kehidupan mereka rukun dan damai, apa sahaja pekerjaan di kampung tersebut akan dilakukan secara gotong-royong. Mereka jarang bergaduh sesama sendiri, hidup sepakat dan hormati-menghormati antara satu sama lain. Mereka juga memajukan perkampungan mereka dengan bercucuk tanam. Mereka mencipta alat untuk bercucuk tanam dan menangkap ikan di sungai.



PUTERI BINTANG TERANG

Pada suatu hari, perkampungan mereka diserang oleh Ragang Tie. Setiap orang yang terkena sentuhan Ragang Tie akan sakit dan meninggal dunia. Tanaman mereka musnah, dan ternakan semua mati apabila terkena sentuhan Ragang Tie. Ragang Tie boleh menjelma menjadi lembaga manusia dan kadang-kadang menjelma menjadi air merah yang mengalir di bumi Nunuk Ragang. Penduduk kampung menderita. Banyak yang mati dan menderita sakit akibat serangan Ragang Tie. Lalu separuh daripada penduduk Nunuk Ragang berpindah ke tempat lain dan memulakan penghidupan baharu di kawasan lain yang selamat.

Pada suatu hari, penduduk kampung yang masih menghuni perkampungan Nunuk Ragang pergi ke ladang perkampungan mereka yang subur dan mula mengerjakan tanah di sana. Tiba-tiba mereka mendengar suatu suara keluar dari bawah tanah. Suara itu kedengaran seperti memanggil mereka dan meminta pertolongan.

“Tolong kami ...” Sayup kedengaran suara itu. Mereka cuba mencari-cari dari mana arah suara itu. Akhirnya mereka pasti suara itu memang dari bawah tanah tempat mereka menugal padi.

“Tolonglah lepaskan kami dari kawasan ini.” Kedengaran lagi suara itu merayu-rayu.

“Siapa kamu? Mengapa kamu berada di dalam tanah?” tanya salah seorang daripada penduduk Nunuk Ragang itu.

“Kami telah disumpah oleh dewa, tolong

NUNUK RAGANG

selamatkan kami,” rayu suara itu.

Penduduk kampung yang mendengar suara dari bawah tanah itu ketakutan dan terus pergi menceritakan pada penghulu kampung mereka. Mereka diberitahu bahawa orang-orang yang berada di bawah tanah itu sebenarnya telah disumpah oleh dewa kerana mereka terlalu kejam dan banyak melakukan kesalahan jenayah semasa tinggal di bumi. Namun penghulu bersetuju untuk menyelamatkan mereka, dan orang-orang Nunuk Ragang pun bersetuju dengan keputusan penghulu mereka.

“Baiklah kami akan menolong kamu,” kata penghulu kampung. Mereka pun menggali tanah itu sehinggalah orang-orang di bawah tanah itu kelihatan semuanya. Rupa-rupanya mereka telah di sumpah untuk tinggal di dalam gua dan tertimbus di dalam tanah.

“Terima kasih kerana menyelamatkan kami!” kata orang dari bawah tanah itu. Wajah mereka semua bengis dan suara mereka pun garang sekali. Orang-orang Nunuk Ragang kecut melihat mereka.

“Ha! Ha! Ha! Kamu sudah keluarkan kami dari dalam tanah ini. Sekarang kami mahu tinggal di daerah ini!” bentak ketua orang-orang dari dalam tanah itu.

“Kamu semua mesti pergi dari sini!” sambungnya lagi.

“Kami berkuasa di tempat ini!” tempik orang itu lagi.



Puteri Bintang Terang

Puteri Bintang Terang - Puteri Pucuk Kelumpang, anak yang dinanti-nantikan oleh ayahanda dan bondanya. Ketika bondanya mengandungkannya, ayahandanya bersumpah untuk menyempit anak itu jika yang lahir perempuan kerana Raja sangat menginginkan seorang putera. Selepas itu, ayahandanya pergi belayar. Apabila hari kelahiran tiba, bondanya melahirkan seorang puteri. Oleh sebab tidak mahu puteri dibunuh, maka dibinalah sebuah mahligai setinggi tujuh tingkat untuk puteri tersebut.

Puteri Pucuk Kelumpang bersemayam dan membesar di tingkat yang ketujuh. Rakyat jelata diminta merahsiakan kewujudan puteri ini. Apabila Raja kembali, baginda akhirnya mengetahui akan kewujudan puterinya. Walaupun berat, Raja terpaksa melaksanakan sumpahannya. Puteri pun dipanggil turun dan Raja terpegun dengan kejelitaan puterinya. Sanggupkah Raja menunaikan sumpahannya? Apakah pula nasib Puteri Pucuk Kelumpang?

Puteri Bintang Terang salah sebuah cerita yang menarik dalam antologi cerita rakyat Sabah ini. Terdapat sembilan buah lagi cerita yang menarik dalam antologi ini, iaitu Nunuk Ragang, Si Talak, Bintang Tanggung, Kisah Si Agar dengan Puteri, Raja dan Si Pungut, Si Kinawa, Si Vagu dan Janggut Ajaib, Bayu dan Durian, dan Manusia, Gergasi dan Pelanduk.

ISBN 978-983-46-0850-7



9 789834 608507